

Teks Ucapan Mesyuarat Tahunan Majlis Ke-63 2018  
oleh : **Datuk Haji Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran**

Bismillahirrahmanirrahim,

As'salamualaikum wrh w.b.t. Salam sejahtera.

Terima kasih saudara pengacara majlis. Yang Berbahagia, Tan Sri Haji Omar Mohd Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia. Yang Berbahagia Dato' Haji Jumaat Bin Dato' Haji Mohd Noor, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia dan juga mantan ketua saya, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang ke-6.

Pagi ini kebetulan ramai bekas pengetua saya di Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah Kuching, Dato' Putit Mad Zin. Tidak sangka saya dapat berjumpa Dato' di majlis kita pada pagi ini. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Abu Zahar Ujang, Dato' Hajah Nafisah, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Tan Sri - Tan Sri, Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertamanya Ingin saya sampaikan salam Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Haji Abdul Adzis Bin Abas yang sepatutnya hadir bersama-sama pada pagi ini. Tetapi beliau terpaksa pulang ke Perlis jam 10 malam tadi disebabkan urusan keluarga yang tidak dapat beliau elakkan. Jadi beliau menghubungi saya malam tadi waktu saya di Alor Setar meminta saya untuk hadir. Jadi saya minta Datuk Adzis bertanya dahulu pada pihak Persatuan Sajarah Malaysia bolehkah saya hadir sebagai wakil. Kata Dato' Jumaat boleh. Jadi saya hadir mewakili beliau pada pagi ini.

Terima kasih kepada Persatuan Sejarah Malaysia kerana menerima saya sebagai wakil Datuk Haji Abdul Adzis Bin Abas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari ini. Tan Sri - Tan Sri, Dato' - Dato', tuan - tuan dan puan - puan seperti YBhg Tan Sri nyatakan dalam ucapan beliau tadi memanglah kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Persatuan Sejarah Malaysia ini telah bermula sejak sekian lama. Logo dan juga tulisan jawi pada logo Persatuan Sejarah Malaysia itu pun dihasilkan oleh pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka. Tulisan khatnya oleh Tuan Haji Sulaiman Awang seorang penulis khat yang sangat terkenal di negara kita manakala logo Persatuan Sejarah Malaysia ini direka oleh Tuan Haji Abdul Rahman Abdul Rahman dimana waktu itu beliau sebagai Ketua Bahagian Reka Bentuk Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi seperti yang Tan Sri nyatakan tadi itu memang satu hal yang kita di Dewan Bahasa dan Pustaka sangat-sangat ingati dan sangat kita hargai dan pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka pun banyak yang terlibat dalam Persatuan ini. Sekarang ini pun, Puan Hajah Ramlah masih lagi sangat aktif dalam Persatuan Sajarah Malaysia. Kita harap ini dapat kita teruskan.

Tan Sri - Tan Sri, Dato' - Dato', tuan - tuan dan puan - puan sekalian. Seperti yang Tan Sri nyatakan tadi kejasama antara DBP dan Persatuan Sejarah Malaysia itu yang dulu dan yang terbaru kita telah mengadakan memorandum persefahaman antara DBP dan Persatuan Sejarah Malaysia dan antara hasil yang dapat kita lihat pada tahun 2017 kita telah pun melancarkan lapan buah novel kanak-kanak yang telah diterbitkan dan saya juga dimaklumkan oleh editor Bahagian Novel Kanak-Kanak ini ada 6 hingga 7 lagi sedang kita murnikan untuk kita terbitkan. Ini merupakan hasil daripada kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Persatuan Sejarah Malaysia. Cuma saya secara peribadi sangat berharap agar kerjasama dalam bentuk penerbitan ini dapat kita teruskan dan kita seharusnya perlu ada perancangan dalam setahun dua ini, apa yang kita hendak lakukan selain kita mengadakan aktiviti seperti Sayembara Menulis Novel untuk kanak-kanak. Dewan Bahasa dan Pustaka amat berharap kita dapat merangka satu program yang boleh kita jadikan sebagai satu tanda aras kerjasama berkesan antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Persatuan Sejarah Malaysia. Dengan persatuan-persatuan di peringkat negeri kita memang ada pelbagai program misalnya dengan negeri Kedah. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kedah kita ada program yang sedang kita laksanakan sekarang ini iaitu penerbitan Encyclopedia Kedah yang telah pun mendapat persetujuan YAB Menteri Besar Kedah. Dengan Perlis kita ada juga satu program penerbitan tentang penerbitan salah-silah Perlis yang kita jangkakan dapat kita terbitkan pada penghujung tahun ini. Inshaallah. Jadi untuk kerjasama yang lebih berkesan itulah yang kita hendak cadangkan kalau boleh kita rangka bersama setelah kita menerbitkan novel kanak-kanak. Mungkin selepas ini kita akan menggalakkan penulisan sejarah untuk bacaan dan kegunaan pelajar-pelajar atau pun anak-anak muda kita supaya mereka cerdik sejarah dan ini harus kita lakukan. Kami di Dewan Bahasa dan Pustaka sangat percaya, Persatuan Sejarah Malaysia ada kepakaran, ada ahli-ahli yang boleh merealisasikan hasrat ini. Setelah kita pergi ke penerbitan konvensional mungkin nanti selepas ini kita usahakan pula penerbitan dalam bentuk digital ataupun penerbitan yang sesuai dengan jiwa anak-anak muda supaya mereka terus tidak buta sejarah. Ini yang sangat-sangat penting kita usahakan.

Saya rasa itu sahaja ucapan yang saya sampaikan pada pagi ini. Sekali lagi saya merakamkan bagi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka merakamkan setinggi penghargaan kepada Persatuan Sejarah Malaysia kerana mengundang DBP pada hari ini dan lebih daripada itu seperti yang saya nyatakan tadi DBP sangat berharap agar kerjasama yang lebih erat bukan sahaja dalam bentuk kata-kata kerjasama tetapi biarlah ada hasil, ada sesuatu untuk setahun dua yang akan datang akan dapat kita banggakan bersama. Misalnya kalau dalam konteks DBP sudah tentulah kita mengharapkan penerbitan yang sesuai untuk pelbagai peringkat masyarakat. Tan Sri sendiri banyak menghasilkan buku termasuklah yang terbaru iaitu Biografi yang telah DBP terbitkan berkaitan dengan pengalaman Tan Sri sendiri dalam bidang pendidikan yang mendapat sambutan yang sangat baik terutama sekali daripada pengkaji-pengkaji yang memerlukan maklumat dalam bidang berkaitan dengan pendidikan di negara kita, Kita juga ingin mencabar Dato' Haji Jumaat selaku bekas atau mantan Ketua Pengarah DBP yang ke-6 untuk melahirkan atau menghasilkan buku. Di Sarawak kita sudah berbincang dengan kerajaan negeri Sarawak untuk kita terbitkan encyclopedia budaya Sarawak yang mana PSM cawangan Sarawak Inshaallah kita akan libatkan.

Jadi itu sahaja ucapan dan kata-kata dari saya. Saya berdoa ayahanda - ayahanda dan kekanda yang terlibat dalam Persatuan Sejarah Malaysia ini, Tan Sri, dan Dato' - Dato' diberikan kesihatan yang baik oleh Allah s.w.t panjang umur murah rezeki dan semoga dapat terus melaksanakan amanah yang sangat besar demi memastikan kelangsungan tamadun sejarah dan peradaban bangsa kita. Bagi pihak ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka marilah sama-sama kita merasmikan Mesyuarat Agung kita pada kali ini. Sekian As'salamualaikum wrh w.b.t dan terima kasih.